



12 Oktober 2021  
12 October 2021  
P.U. (A) 392

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
(PERMIT) (PINDAAN) 2021

*WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT)  
(AMENDMENT) RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 180(*g*) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) (Pindaan) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 13 Oktober 2021.

**Pindaan kaedah 2**

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 [*P.U. (A) 438/2007*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2 dengan memasukkan sebelum tafsiran “Lembaga” tafsiran yang berikut:

‘ “instrumen” termasuk garis panduan, arahan, penentuan, pekeliling atau standard;’.

**Pindaan kaedah 3**

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(*a*) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perenggan (*a*) perenggan yang berikut:

“(aa) suatu perniagaan yang berdaftar di Malaysia sebagai milikan tunggal atau perkongsian;”;

(b) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Mana-mana orang atau golongan orang yang memohon suatu permit IPA Jenis C di bawah perenggan 5(1)(c), (ca), (cb) dan (cc) hendaklah memegang perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Walau apa pun subkaedah (1) dan (2), Suruhanjaya boleh mengenakan syarat lanjut yang berhubungan dengan kelayakan orang atau golongan orang yang memohon untuk suatu permit, yang difikirkannya patut, menurut apa-apa instrumen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.”.

#### **Penggantian kaedah 4**

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 4 dengan kaedah yang berikut:

##### **“Permohonan untuk dan pengeluaran permit**

4. (1) Permohonan untuk suatu permit hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan fi yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Kedua.

(3) Pemohon bagi suatu permit hendaklah mengemukakan—

(a) maklumat yang dikehendaki di bawah subkaedah (4); dan

(b) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang

dikehendaki oleh Suruhanjaya menurut apa-apa instrumen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(4) Permohonan untuk suatu permit hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) kategori kerja yang akan dikendalikan atau disediakan oleh pemohon;
- (c) kelayakan pemohon;
- (d) perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan; dan
- (e) apa-apa maklumat dan dokumen yang dikemukakan kepada Lembaga bagi maksud didaftarkan sebagai kontraktor atau kebenaran untuk mengakses apa-apa maklumat dan dokumen secara langsung daripada Lembaga.

(5) Suruhanjaya boleh, selepas menimbangkan permohonan untuk suatu permit di bawah subkaedah (1), meluluskan atau menolak permohonan itu.

(6) Jika permohonan untuk suatu permit diluluskan, permit hendaklah dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah kaedah 7.

(7) Jika permohonan untuk suatu permit ditolak, sebab bagi penolakan itu hendaklah diberikan kepada pemohon secara bertulis.”

**Kaedah baharu 4A dan 4B**

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 4 kaedah yang berikut:

**“Menolak untuk memproses permohonan permit**

4A. Jika permohonan untuk suatu permit dikemukakan kepada Suruhanjaya tetapi tidak dibuat menurut Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana instrumen lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh menolak untuk memproses permohonan itu atau menghendaki supaya permohonan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula atau supaya suatu permohonan baharu dikemukakan kepada Suruhanjaya.

**Suruhanjaya boleh menolak permohonan permit dalam keadaan tertentu**

4B. (1) Tanpa menjejaskan keluasan subkaedah 4(5), Suruhanjaya boleh menolak permohonan bagi suatu permit jika—

(a) pemohon sedang disiasat oleh Suruhanjaya atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang berhubungan dengan—

(i) apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta, perundangan subsidiarinya atau apa-apa instrumen lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

(ii) apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan, perundangan subsidiarinya atau apa-apa instrumen lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis itu atau oleh pihak berkuasa yang berkaitan; atau

- (iii) pendedahan apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan permit kepada pihak lain yang dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah salah atau mengelirukan;
- (b) pemohon tertakluk kepada mana-mana prosiding mahkamah—
  - (i) yang berhubungan dengan keadaan dalam perenggan (1)(a);
  - (ii) untuk pelanggaran apa-apa syarat yang dikenakan ke atas permit oleh Suruhanjaya; atau
  - (iii) untuk apa-apa kerja yang dinyatakan dalam permit yang dijalankan oleh pemegang permit;
- (c) keputusan Suruhanjaya untuk menolak permohonan oleh pemohon bagi suatu permit hendaklah tertakluk kepada mana-mana prosiding mahkamah; atau
- (d) pemohon telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta atau perundangan subsidiarinya.

(2) Jika permohonan bagi suatu permit ditolak atas sebab dalam perenggan (1)(a), (b), (c) atau (d), pemohon tidak layak untuk memohon apa-apa permit melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) siasatan di bawah perenggan (1)(a) telah dilengkapkan dan tiada prosiding mahkamah;

- (b)* prosiding mahkamah di bawah perenggan (1)(*b*) dan (*c*) adalah muktamad dan konklusif; atau
- (c)* prosiding mahkamah yang melibatkan pemohon di bawah perenggan (1)(*d*) adalah muktamad dan konklusif, dan pemohon telah menjalani hukuman bagi sabitan itu.”.

**Pindaan kaedah 5**

6. Kaedah 5 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

*(a)* dalam subkaedah (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (*a*) dengan perenggan yang berikut:

“(a) suatu permit IPA Jenis A1 bagi menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan—

(i) seksyen paip air perkhidmatan selepas titik meter dan perpaipan dalaman;

(ii) perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama yang bersambung kepada suatu kebuk pemeriksaan atau tangki septik; atau

(iii) tangki septik;”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) suatu permit IPA Jenis A2 bagi menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan sistem bekalan air yang dinyatakan di bawah permit IPA Jenis A1 dan paip penghubung;”;

- (iii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) suatu permit IPA Jenis B bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pengubahsuaian, penyambungan atau pembaikan suatu perpaipan pembedungan dalaman individu atau suatu perpaipan pembedungan dalaman bersama daripada suatu kebuk pemeriksaan kepada suatu pembedung;”;

- (iv) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) suatu permit IPA Jenis C1 bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan yang tender atau suatu projek atau kerja yang diusahakan itu melebihi RM10,000,000.00;”;

- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(ca) suatu permit IPA Jenis C2 bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada

mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan yang tender atau suatu projek atau kerja yang diusahakan itu melebihi RM3,000,000.00 tetapi tidak melebihi RM10,000,000.00;

(cb) suatu permit IPA Jenis C3 bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan yang tender atau suatu projek atau kerja yang diusahakan itu melebihi RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000,000.00;

(cc) suatu permit IPA Jenis C4 bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan yang tender atau suatu projek atau kerja yang diusahakan itu tidak melebihi RM200,000.00;” dan

(vi) dalam perenggan (e)—

(A) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memotong perkataan “sewerage”; dan

(B) dengan memasukkan selepas perkataan “perkhidmatan penyahenap cemar” perkataan “atau apa-apa perkhidmatan pembedungan yang lain”; dan

(b) dalam subkaedah (4), dengan menggantikan perkataan “borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “bentuk dan cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya”.

**Pindaan kaedah 6**

7. Kaedah 6 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Melainkan jika” perkataan “digantung atau”.

**Pindaan kaedah 7**

8. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) pemegang permit hendaklah mematuhi undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan alam sekitar;” dan

(ii) dalam perenggan (j), dengan menggantikan perkataan “di bawah Akta” dengan perkataan “oleh Suruhanjaya atau yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis lain atau oleh pihak berkuasa yang berkaitan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(2) Pemegang permit yang gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan di bawah subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

**Kaedah baharu 7A**

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 7 kaedah yang berikut:

**“Kuasa untuk menambah, mengubah atau membatalkan syarat**

7A. (1) Suruhanjaya boleh, dalam tempoh sah sesuatu permit—

(a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas permit itu; atau

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas permit itu.

(2) Sebelum Suruhanjaya membuat keputusan di bawah subkaedah (1), Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang permit itu—

(a) suatu notis bertulis mengenai niat Suruhanjaya berserta dengan suatu salinan draf mengenai pengenaan, perubahan atau pembatalan itu; dan

(b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis itu diserahkan kepada pemegang permit.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Suruhanjaya hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang permit itu, memutuskan sama ada untuk mengenakan syarat tambahan atau mengubah atau membatalkan mana-mana syarat sedia ada atau tidak mengambil tindakan lanjut, dan memberitahu pemegang permit itu secara bertulis mengenai keputusannya.

(4) Pemegang permit tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa bentuk pampasan atau ganti rugi daripada Suruhanjaya atas pengenaan, perubahan atau pembatalan syarat menurut Kaedah-Kaedah ini.”.

### **Pemotongan kaedah 8**

10. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 8.

### **Pindaan kaedah 10**

11. Kaedah 10 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Pembatalan, penggantungan atau pemberhentian permit”;**

(b) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Suruhanjaya boleh melalui notis bertulis membatalkan mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau menggantung permit itu bagi suatu tempoh yang difikirkannya patut jika—

(a) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana syarat permit itu;

(b) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta, perundangan subsidiarinya atau apa-apa instrumen lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

(c) pemegang permit secara salah, tidak sah atau salah nyataan apa-apa fakta atau butir-butir untuk mendapatkan permit itu;

- (d) pemegang permit telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta atau perundangan subsidiarinya;
  - (e) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan, perundangan subsidiarinya atau apa-apa instrumen lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang itu atau oleh pihak berkuasa berkaitan;
  - (f) pemegang permit mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan permit kepada mana-mana pihak lain yang dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah salah atau mengelirukan;
  - (g) pemegang permit tidak mematuhi undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan alam sekitar; atau
  - (h) telah berlaku apa-apa tindakan atau keingkaran pada pihak pemegang permit atau terdapat perubahan dalam hal keadaan sehingga pemegang permit tidak lagi berhak untuk diberi permit di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini.”;
- (c) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan “tiga puluh hari” dengan perkataan “empat belas hari”;
- (d) dalam subkaedah (4), dengan memasukkan selepas perkataan “pampasan” perkataan “atau ganti rugi”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subkaedah (5) subkaedah yang berikut:

“(6) Walau apa pun apa-apa jua peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini, suatu permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah menjadi tidak sah dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) kematian pemegang permit;
- (b) pemegang permit diisytiharkan sebagai bankrap;
- (c) pemegang permit telah digulung;
- (d) penerima atau pengurus, pelikuidasi sementara atau pegawai yang serupa telah dilantik mengenai keseluruhan atau sebahagian besar aset pemegang permit dan pelantikan tersebut tidak dibatalkan atau dirungkaikan dalam masa enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (e) pemegang permit tidak lagi menjalankan perniagaannya.

(7) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa kerja di bawah seksyen 50 Akta dengan menggunakan suatu permit yang telah menjadi tidak sah menurut subkaedah (6), hendaklah disifatkan sebagai menjalankan kerja-kerja tanpa permit.”.

### **Pemotongan kaedah 11**

12. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 11.

**Kaedah baharu 11A**

13. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 11 kaedah yang berikut:

**“Perubahan dalam butir-butir pemegang permit**

11A. (1) Pemegang permit hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis, dengan seberapa segera yang mungkin, tentang apa-apa perubahan dalam butir-butir pemegang permit dan pemberitahuan itu hendaklah disertai dengan fi yang dinyatakan dalam butiran 3 Jadual Kedua.

(2) Setelah menerima pemberitahuan dan fi, Suruhanjaya hendaklah meminda butir-butir pemegang permit itu dalam permitnya.”.

**Pindaan kaedah 13**

14. Subkaedah 13(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sebagaimana yang ditetapkan” dengan perkataan “sebagaimana yang dinyatakan”.

**Kaedah baharu 15 dan 16**

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 14 kaedah yang berikut:

**“Sekatan oleh Suruhanjaya, dll.**

15. (1) Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis, menyekat mana-mana orang daripada memohon atau diberikan suatu permit di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi suatu tempoh tidak melebihi sepuluh tahun jika orang itu—

(a) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah—

(i) Akta atau perundangan subsidiarinya; atau

(ii) undang-undang lain yang berkaitan atau perundangan subsidiarinya;

- (b)* memiliki permit yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini tetapi telah digantung atau dibatalkan di bawah kaedah 10;
- (c)* gagal untuk mematuhi apa-apa syarat permit di bawah Kaedah-Kaedah ini;
- (d)* gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta, perundangan subsidiarinya atau apa-apa instrumen lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
- (e)* gagal untuk mematuhi mana-mana undang-undang lain yang berkaitan, perundangan subsidiarinya atau apa-apa instrumen lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh sekatan ke suatu tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya berdasarkan keseriusan kesalahan di bawah perenggan (1)(a) atau kegagalan di bawah perenggan (1)(b), (c), (d) dan (e).

(3) Sebelum Suruhanjaya membuat keputusan di bawah subkaedah (1), Suruhanjaya hendaklah memberi orang itu—

- (a)* suatu notis bertulis mengenai niat Suruhanjaya untuk menyekat orang itu daripada memohon atau diberikan permit di bawah Kaedah-Kaedah ini; dan
- (b)* suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang dari empat belas hari dari tarikh notis itu diserahkan kepada orang itu.

(4) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Suruhanjaya hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh orang itu, memutuskan sama ada untuk menyekat orang itu daripada memohon atau diberikan suatu permit di bawah Kaedah-Kaedah ini, dan memaklumkan kepada orang itu secara bertulis mengenai keputusannya.

(5) Pemegang permit tidak berhak kepada apa-apa bentuk pampasan atau ganti rugi daripada Suruhanjaya jika orang itu disekat daripada memohon atau diberikan permit di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(6) Sekatan daripada memohon atau diberikan permit di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa pada—

(a) suatu tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subkaedah (4); atau

(b) jika tiada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subkaedah (4), apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada orang itu.

**Menyiarkan senarai permit yang dibatalkan atau digantung dan senarai orang yang disekat oleh Suruhanjaya**

16. Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa dan budi bicara untuk menyiarkan senarai nama orang yang permitnya dibatalkan atau digantung menurut kaedah 10 dan disekat oleh Suruhanjaya menurut kaedah 15 dengan apa-apa cara dan kaedah yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

**Pemotongan Jadual Pertama**

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong Jadual Pertama.

**Penggantian Jadual Kedua**

17. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

## "JADUAL KEDUA

[subkaedah 4(2), 11A(1), 12(2) dan 13(1)]

Fi yang perlu dibayar berkenaan dengan permit

No.	Jenis Fi	Kategori Permit						
		IPA Jenis A (RM) bagi setiap negeri	IPA Jenis B (RM) bagi setiap negeri	IPA Jenis C (RM) bagi semua negeri	IPA Jenis D (RM) bagi setiap negeri	IPA Jenis E (RM) bagi setiap negeri		
1.	Fi pemprosesan permohonan permit	30	30	100	30	30		
2.	Fi permit	A1	80 setahun	300 setahun	C1	5,000 setahun	900 setahun	900 setahun
					C2	2,000 setahun		
		A2	150 setahun		C3	750 setahun		
					C4	200 setahun		
3.	Perubahan butir-butir pemegang permit	50	50	50	50	50		
4.	Salinan diakui sah permit	10	10	10	10	10		

**Pemotongan Jadual Ketiga dan Jadual Keempat**

18. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong Jadual Ketiga dan Jadual Keempat.

Dibuat 12 Oktober 2021

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT. 2; PN(PU2)660/JLD. 15]

WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
*Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara*

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) (AMENDMENT) RULES 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 180(*g*) of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Commission makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Water Services Industry (Permit) (Amendment) Rules 2021**.

(2) These Rules come into operation on 13 October 2021.

**Amendment of rule 2**

2. The Water Services Industry (Permit) Rules 2007 [*P.U. (A) 438/2007*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2 by inserting before the interpretation of “Lembaga” the following interpretation:

‘ “instrument” includes a guideline, direction, determination, circular or standard;’.

**Amendment of rule 3**

3. Rule 3 of the principal Rules is amended—

(*a*) in subrule (1), by inserting after paragraph (*a*) the following paragraph:

“(aa) a business registered in Malaysia as a sole proprietor or partnership;”;

(*b*) by substituting for subrule (2) the following subrule:

“(2) Any person or class of persons who apply for an IPA Type C permit under paragraphs 5(1)(*c*), (*ca*), (*cb*) and (*cc*) shall hold

the requisite certificate of registration as a registered contractor issued by the Lembaga as may be specified by the Commission.”; and

(c) by inserting after subrule (2) the following subrule:

“(3) Notwithstanding subrules (1) and (2), the Commission may impose further conditions relating to the eligibility of person or class of persons applying for a permit, as it thinks fit, pursuant to any instrument issued by the Commission.”.

#### **Substitution of rule 4**

4. The principal Rules are amended by substituting for rule 4 the following rule:

##### **“Application for and issuance of a permit**

4. (1) An application for a permit shall be made to the Commission in the form and manner as determined by the Commission.

(2) Every application under subrule (1) shall be accompanied by the fee as specified in item 1 of the Second Schedule.

(3) An applicant for a permit shall submit—

(a) the information required under subrule (4); and

(b) any other information or document as required by the Commission pursuant to any other instrument issued by the Commission.

(4) An application for a permit shall contain the following information:

(a) the particulars of the applicant;

- (b)* the category of work which will be operated or provided by the applicant;
- (c)* the qualifications of the applicant;
- (d)* the requisite certificate of registration as a registered contractor issued by the Lembaga, if required; and
- (e)* any information and document submitted to the Lembaga for the purposes of being registered as a contractor or consent to access to any information and document directly from the Lembaga.

(5) The Commission may, after considering the application for a permit under subrule (1), approve or refuse the application.

(6) If an application for a permit is approved, the permit shall be issued subject to the conditions imposed by the Commission under rule 7.

(7) If an application for a permit is refused, the reasons for the refusal shall be given to the applicant in writing.”.

#### **New rules 4A and 4B**

5. The principal Rules are amended by inserting after rule 4 the following rules:

##### **“Refusal to process permit applications**

4A. If an application for a permit is submitted to the Commission but is not made in accordance to these Rules or any other instrument issued by the Commission, the Commission may refuse to process the application or require that the application be amended or completed and resubmitted or that a fresh application be submitted to the Commission.

**The Commission may refuse permit applications in certain circumstances**

4B. (1) Without prejudice to the generality of subrule 4(5), the Commission may refuse an application for a permit if—

(a) the applicant is being investigated by the Commission or other relevant authorities in relation to—

(i) any failure to comply with any of the provisions of the Act, its subsidiary legislation or any other instrument issued by the Commission;

(ii) any failure to comply with any other relevant written laws, its subsidiary legislation or any other instrument issued under the written laws or by the relevant authorities; or

(iii) disclosure of any information or document relating to a permit to the other parties that he knows or has reason to believe is false or misleading;

(b) the applicant is subject to any court proceedings—

(i) in relation to the circumstances in paragraph (1)(a);

(ii) for breach of any condition imposed on a permit by the Commission; or

(iii) for any works specified in the permit that was carried out by the permit holder;

(c) the decision of the Commission for refusing the application by the applicant for a permit shall subject to any court proceedings; or

*(d)* the applicant has been convicted of an offence under the Act or its subsidiary legislation.

(2) If an application for a permit is refused for reasons in paragraph (1)*(a)*, *(b)*, *(c)* or *(d)*, the applicant shall not be eligible to apply for any permit unless the Commission is satisfied that—

*(a)* the investigations under paragraph (1)*(a)* has concluded and there are no court proceedings;

*(b)* the court proceedings under paragraphs (1)*(b)* and *(c)* are final and conclusive; or

*(c)* the court proceedings involving the applicant under paragraph (1)*(d)* are final and conclusive, and the applicant has served the sentence for the conviction.”.

#### **Amendment of rule 5**

6. Rule 5 of the principal Rules is amended—

*(a)* in subrule (1)—

(i) by substituting for paragraph *(a)* the following paragraph:

“*(a)* an IPA Type A1 permit to carry out any construction, connection, modification or repair of—

(i) section of service water pipe after the meter point and internal plumbing;

(ii) individual internal sewerage piping or common internal sewerage piping which connect to an inspection chamber or septic tank; or

(iii) septic tank;”;

(ii) by inserting after paragraph (a) the following paragraph:

“(aa) an IPA Type A2 permit to carry out any construction, connection, modification or repair of water supply system as specified under IPA Type A1 permit and communication pipe;”;

(iii) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) an IPA Type B permit to carry out any construction, modification, connection or repair to an individual internal sewerage piping or a common internal sewerage piping from an inspection chamber to a sewer;”;

(iv) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) an IPA Type C1 permit to carry out any construction of, installation of or modification to any part of a water supply system or sewerage system where the tendering or undertaking of the project or work exceeds RM10,000,000.00;”;

(v) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

“(ca) an IPA Type C2 permit to carry out any construction of, installation of or modification to any part of a water supply system or sewerage system where the tendering or undertaking of the project or work exceeds RM3,000,000.00 but does not exceed RM10,000,000.00;

(cb) an IPA Type C3 permit to carry out any construction of, installation of or modification to any part of a water supply system or sewerage system where the tendering or undertaking of the project or work exceeds RM200,000.00 but does not exceed RM3,000,000.00;

(cc) an IPA Type C4 permit to carry out any construction of, installation of or modification to any part of a water supply system or sewerage system where the tendering or undertaking of the project or work does not exceed RM200,000.00;” and

(vi) in paragraph (e)—

(A) in the English language text, by deleting the word “sewerage”; and

(B) by inserting after the words “desludging services” the words “or any other sewerage services”; and

(b) in subrule (4), by substituting for the words “form prescribed in the Third Schedule” the words “form and manner as determined by the Commission”.

### **Amendment of rule 6**

7. Rule 6 of the principal Rules is amended by inserting after the word “Unless” the words “suspended or”.

**Amendment of rule 7**

8. Rule 7 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1)—

(i) by inserting after paragraph (h) the following paragraph:

“(ha) the permit holder shall comply with other written laws relating to environment;” and

(ii) in paragraph (j), by substituting for the words “under the Act” the words “by the Commission or issued under other written laws or by the relevant authorities”; and

(b) by inserting after subrule (1) the following subrule:

“(2) A permit holder who fails to comply any provision under subrule (1), commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.”.

**New rule 7A**

9. The principal Rules are amended by inserting after rule 7 the following rule:

**“Power to add, vary or revoke conditions**

7A. (1) The Commission may, during the validity period of a permit—

(a) impose any additional condition on the permit; or

(b) vary or revoke any condition imposed on the permit.

(2) Before the Commission makes a decision under subrule (1), the Commission shall give the permit holder—

- (a) a written notice of the intention of the Commission together with a draft copy of the imposition, variation or revocation; and
- (b) an opportunity to make written submissions within a period specified in the written notice which shall not be less than fourteen days from the date on which the notice is served on the permit holder.

(3) After the expiry of the period specified in the notice, the Commission shall, after considering any written submission made by the permit holder, decide whether to impose the additional condition or vary or revoke any existing condition or take no further action, and notify the permit holder in writing of its decision.

(4) The permit holder shall not be entitled to obtain any form of compensation or damages from the Commission for the imposition, variation or revocation of the conditions in accordance with these Rules.”.

#### **Deletion of rule 8**

10. The principal Rules are amended by deleting rule 8.

#### **Amendment of rule 10**

11. Rule 10 of the principal Rules is amended—

- (a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

**“Revocation, suspension or cessation of permits”;**

- (b) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) The Commission may by written notice revoke any permit issued under these Rules or suspend the permit for a period

as it thinks fit if—

- (a)* the permit holder fails to comply with any of the conditions of the permit;
- (b)* the permit holder fails to comply with any of the provisions of the Act, its subsidiary legislation or any other instrument issued by the Commission;
- (c)* the permit holder had improperly, illegally or misrepresented any fact or particulars to obtain the permit;
- (d)* the permit holder has been convicted of an offence under the Act or its subsidiary legislation;
- (e)* the permit holder fails to comply with any other relevant written laws, its subsidiary legislation or any other instrument issued under the laws or by the relevant authorities;
- (f)* the permit holder discloses any information or document relating to a permit to the other parties that he knows or has reason to believe is false or misleading;
- (g)* the permit holder fails to comply with other written laws relating to environment; or
- (h)* there has been any act or default on the part of the permit holder or there has been a change of circumstances such that the permit holder would no longer be entitled to be granted a permit under the Act or these Rules.”;

- (c) in paragraph (2)(b), by substituting for the words “thirty days” the words “fourteen days”;
- (d) in subrule (4), by inserting after the word “compensation” the words “or damages”; and
- (e) by inserting after subrule (5) the following subrules:

“(6) Notwithstanding any other provision of this Rules, a permit issued under these Rules shall cease to be valid in the following circumstances:

- (a) death of a permit holder;
- (b) the permit holder is declared a bankrupt;
- (c) the permit holder is wound-up;
- (d) a receiver or manager, provisional liquidator or like official has been appointed over the whole or substantial part of the permit holder’s assets and such appointment is not revoked or annulled within a period of sixty days from the date of such appointment; or
- (e) the permit holder ceases to carry on its business.

(7) Any person who carries out any work under section 50 of the Act using a permit that has ceased to be valid pursuant to subrule (6), shall be deemed to be carrying out the works without a permit.”.

**Deletion of rule 11**

12. The principal Rules are amended by deleting rule 11.

**New rule 11A**

13. The principal Rules are amended by inserting after rule 11 the following rule:

**“Change in particulars of permit holder**

11A. (1) A permit holder shall notify the Commission in writing, as soon as possible, of any change in the particulars of the permit holder and the notification shall be accompanied by the fee as specified in item 3 of the Second Schedule.

(2) Upon receipt of the notification and the fee, the Commission shall amend the particulars of the permit holder in his permit.”.

**Amendment of rule 13**

14. Subrule 13(1) of the principal Rules is amended by substituting for the words “as prescribed” the words “as specified”.

**New rules 15 and 16**

15. The principal Rules are amended by inserting after rule 14 the following rules:

**“Restriction by the Commission, etc.**

15. (1) The Commission may, by written notice, restrict any person from applying for or being granted a permit under these Rules for such period not exceeding ten years if the person—

(a) has been convicted of an offence under—

(i) the Act or its subsidiary legislation; or

(ii) any other relevant laws or its subsidiary legislation;

(b) had a permit issued under these Rules but had been suspended or revoked under rule 10;

- (c) fails to comply with any of the conditions of a permit under these Rules;
- (d) fails to comply with any of the provisions of the Act, its subsidiary legislation or any other instrument issued by the Commission; or
- (e) fails to comply with any other relevant laws, its subsidiary legislation or any other instrument issued by the relevant authorities.

(2) Notwithstanding subrule (1), the Commission may extend the period of restriction to such period as may be determined by the Commission based on severity of the offence under paragraph (1)(a) or failure under paragraphs (1)(b), (c), (d) and (e).

(3) Before the Commission makes a decision under subrule (1), the Commission shall give the person—

- (a) a written notice of the intention of the Commission to restrict the person from applying for or being granted a permit under these Rules; and
- (b) an opportunity to make written submissions within a period specified in the written notice which shall not be less than fourteen days from the date on which the notice is served on the person.

(4) After the expiry of the period specified in the notice, the Commission shall, after considering any written submission made by the person, decide whether to restrict the person from applying for or being granted with a permit under these Rules, and notify the person in writing of its decision.

(5) The permit holder shall not be entitled to any form of compensation or damages from the Commission if the person is restricted from applying for or being granted with a permit under these Rules.

(6) The restriction from applying for or being granted with a permit under these Rules shall take effect on—

(a) a date specified by the Commission in the written notice given under subrule (4); or

(b) if no date is specified in the written notice given under subrule (4), on the expiry of fourteen days from the date on which the notice is served on the person.

**Publish of list of permits revoked or suspended and list of persons restricted by the Commission**

16. The Commission shall have the power and discretion to publish a list of names of persons whose permits have been revoked or suspended pursuant to rule 10 and restricted by the Commission pursuant to rule 15 by such means and manner as determined by the Commission.”.

**Deletion of First Schedule**

16. The principal Rules are amended by deleting the First Schedule.

**Substitution of Second Schedule**

17. The principal Rules are amended by substituting for the Second Schedule the following schedule:

## "SECOND SCHEDULE

[subrules 4(2), 11A(1), 12(2) and 13(1)]

Fees to be paid in respect of a permit

No.	Type of Fees	Category of Permit						
		IPA Type A (RM) for each state	IPA Type B (RM) for each state	IPA Type C (RM) for all states	IPA Type D (RM) for each state	IPA Type E (RM) for each state		
1.	Processing fees for application of permit	30	30	100	30	30		
2.	Permit fees	A1	80 per year	300 per year	C1	5,000 per year	900 per year	900 per year
					C2	2,000 per year		
		A2	150 per year		C3	750 per year		
					C4	200 per year		
3.	Change of particulars of permit holder	50	50	50	50	50		
4.	Certified true copy of permit	10	10	10	10	10		

**Deletion of Third Schedule and Fourth Schedule**

18. The principal Rules are amended by deleting the Third Schedule and the Fourth Schedule.

Made 12 October 2021

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT. 2; PN(PU2)660/JLD. 15]

WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
*Chairman of Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara*